

DASAR FALSAFAH DAN POLISI PENDIDIKAN BERSEPADU: PENGALAMAN MALAYSIA

Ikwan Lubis SE, MM

ikwanlubisemm@gmail.com

Universitas Budi Darma Sumatera Utara Indonesia

**Maimun Aqsha Lubis*

draqsha@gmail.com

Universiti Kebangsaan Malaysia

Siti Hajar Taib

aza790219@gmail.com

Universiti Kebangsaan Malaysia

Dr. Khairuddin, MAg.

khairuddin@uinsu.ac.id

Universitas Islam Negeri (UIN), Sumatera Utara Medan

Ilminza Zakaria

Aznimli@gmail.com

Universiti Kebangsaan Malaysia

Mohamed Yusoff Mohd Nor

Yusoff1963@ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia

Azaharin Ismail

arin_punye@yahoo.com

Universiti Kebangsaan Malaysia

Abdul Rahman S.E.,Ak., M.Si CA., CPA

abdrahman_ak@yahoo.co.id

Politeknik Negeri Medan

Wan Ali Akbar Wan Abdullah

wanaliakbar.kpm@gmail.com

Universiti Kebangsaan Malaysia

**Corresponding author*

ABSTRAK

Falsafah Pendidikan bersepada mencakupi keseluruhan ilmu-ilmu pengetahuan antara ilmu agama dan ilmu dunia. Pendidikan bersepada membawa maksud kepada pendidikan yang menyepadukan antara ilmu fardhu ain dan fardhu kifayah. Integrasi pendidikan Islam pula menyepadukan antara ilmu yang bermanfaat atau ilmu aqli dengan ilmu naqli. Objektif pendidikan bersepada membentuk keseimbangan akhlak dan pembangunan rohani untuk mencapai ilmu yang menjadi matlamat dalam pencarian ilmu. Pendidikan berubah dari masa ke semasa. Pendidikan bersepada merupakan keperluan dalam institut pendidikan yang mempunyai pelajar beragama Islam khasnya. Kemajuan dan perubahan pendidikan Islam di Malaysia mengikut dasar yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia berpandukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam. Adapun metodologi kajian ini adalah berbentuk sorotan kepustakaan. Artikel ini bertujuan untuk menjelaskan dasar falsafah dan polisi pendidikan bersepada secara globalisasi, pendidikan bersepada dari sudut pedagogi dan pendidikan bersepada di Malaysia. Di samping itu polisi pendidikan bersepada di Malaysia menjelaskan empat asas rukun yang diamalkan mengikut Falsafah Pendidikan. Seterusnya faktor pembentukan polisi dan konsep pendidikan bersepada di Malaysia berpandukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dengan dipengaruhi oleh faktor sosio ekonomi, budaya dan agama. Manakala Falsafah Pendidikan Islam membentuk dan menerapkan nilai murni berpandukan al-Quran dan al-Sunnah.

Kata kunci: Falsafah, Polisi, Pendidikan bersepada, Pendidikan Islam, Empat asas rukun bersepada yang diamalkan

A BASIC PHILOSOPHY AND POLICY IN INTEGRATE EDUCATION: EXPERIENCE OF MALAYSIA

ABSTRACT

The philosophy of integrated Education covers the whole of the sciences between religious sciences and world sciences. Integrated education means education that integrates the knowledge of *fardhu ain* and *fardhu kifayah*. While, the integration of Islamic education integrates between useful knowledge or *aqli* knowledge with *naqli* knowledge. The objective of integrated education is to form a balance of moral and spiritual development to achieve the knowledge that is the goal in the search for knowledge. Education changes over time. Integrated education is a requirement in educational institutes that have Muslim students in particular. The progress and change of Islamic education in Malaysia in accordance with the policy set by the Ministry of Education Malaysia based on the National Philosophy of Education and the Philosophy of Islamic Education. The methodology of this study is in the form of literature highlights. This article aims to explain the philosophy and policy of integrated education in globalization, integrated education from the point of view of pedagogy and integrated education in Malaysia. In addition,

the integrated education policy in Malaysia explains the four basic pillars that are practiced according to the Philosophy of Education. Furthermore, the factors in the formation of policies and concepts of integrated education in Malaysia are guided by the National Education Philosophy and are influenced by socio-economic, cultural and religious factors. While the Philosophy of Islamic Education forms and applies noble values based on the Quran and Sunnah.

Keywords: Philosophy, Policy, Integrated Education, Islamic Education, *The four integrated basic pillars that are practiced.*

PENDAHULUAN

Pendidikan adalah faktor penting dalam merealisasikan manifestasi ibadah kepada sikap ‘ubudiyah manusia. Ia mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam mempertahankan maruah Islam yang telah kita warisi semenjak zaman Rasulullah s.a.w. Pendidikan yang baik mampu membawa manusia tunduk memperhambakan diri kepada perintah dan larangan Allah s.w.t. Proses memartabatkan pendidikan menurut acuan Islam mesti bermula daripada kefahaman terhadap konsep ilmu yang menyeluruh berteraskan kekuatan akidah selari dengan firman Allah s.w.t.:

“ *Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya*”. (Surah al- ’Alaq : 96, ayat 1-5)

Pendidikan Islam di Malaysia telah dilaksanakan bermula sebelum merdeka iaitu bermula dengan bertapak Islam di Melaka sekitar abad ke-14. Ketika itu sistem pendidikan Islam menggunakan sistem yang tidak formal. Pendidikan Islam terus diberi perhatian setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Pada tahun 1960, berdasarkan Laporan Rahman Talib, kerajaan menguatkusakan satu akta iaitu kewajipan memberikan pendidikan Islam kepada murid-murid beragama Islam di setiap sekolah yang mempunyai murid beragama Islam berjumlah 15 orang atau lebih. Pendidikan Islam di Malaysia dilaksanakan berdasarkan Falsafah Pendidikan Islam yang dibina berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pendidikan Islam merupakan satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah, bagi membentuk sikap, kemahiran keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.

Perkembangan pendidikan Islam di Malaysia dipertingkat dari masa ke semasa mengikut perubahan kurikulum pendidikan negara. Selepas Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR), Bahagian Perkembangan Kurikulum menggubal Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1983 dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989. Kurikulum ini

bertahan selama 10 tahun, kemudian diberi penjenamaan baharu atas dasar semakan semula. Setelah dibentangkan pada tahun 1990, dalam Seminar Kebangsaan Pelaksanaan KBSR telah dipersetujui untuk nama baru. Pada tahun 1993, Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) dilaksanakan dengan tiga tunjang, iaitu; (1) komunikasi, (2) perkembangan diri individu dan (3) manusia dengan alam sekelilingnya. Pada tahun 2003, KBSR dan KBSM disemak semula dan diubah suai kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) selaras dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010. KSSR dilaksanakan sepenuhnya pada 2011, manakala KSSM dilaksanakan pada tahun 2017.

Perubahan demi perubahan pendidikan Islam di Malaysia di bawah naungan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menunjukkan bahawa Malaysia sentiasa bersedia dengan kehadiran isu dan cabaran dari masa ke semasa mengikut peredaran masa dengan berpandukan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) yang kini memasuki gelombang ke tiga. Pelan pembangunan yang disediakan ini jelas bagi pengajaran dan pembelajaran terutama dalam strategi pengajaran berpusatkan murid berbanding strategi konvensional atau pemusatan guru terutama dalam pengajaran pendidikan Islam.

TUJUAN DAN OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian adalah mengkaji dasar falsafah dan polisi pendidikan Islam bersepadu di Malaysia seperti yang berikut :

1. Mengenalpasti dasar falsafah pendidikan dari sudut globalisasi.
2. Mengenalpasti konsep bersepadu dalam Pendidikan.
3. Mengenalpasti falsafah pendidikan Islam Bersepadu di Malaysia.
4. Mengenalpasti faktor-faktor pembentukan polisi pendidikan Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan kaedah sorotan kepustakaan dengan merujuk bahan daripada sumber ilmiah buku, artikel jurnal dan kertas kerja prosiding. Media sosial juga dijadikan medan sumber pencarian bahan. Sumber maklumat yang diperoleh menjadi panduan untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang isu yang dikaji.

DASAR FALSAFAH PENDIDIKAN DARI SUDUT GLOBALISASI

Falsafah pendidikan merupakan pecahan daripada falsafah umum pendidikan. Falsafah ini terdiri daripada beberapa falsafah lain seperti *idealisme, realisme, pragmatisme dan eksistensialisme*. Falsafah idealisme memfokuskan kepada kepentingan pemikiran, jiwa dan kerohanian. Dengan erti kata lain, suatu fahaman yang membicarakan untuk mengajarkan hakikat dunia secara fizik, yang hanya dapat difahami dalam kebergantungan terhadap jiwa (*mind*) dan roh (*spirit*). Iaitu

sesuatu yang hadir dalam jiwa (Hisarma Saragih et.al 2021). Fahaman idealisme ini memandang manusia sebagai makhluk yang mepunyai kejiwaan dan kerohanian, secara tidak langsung menyangkal dakwaan bahawa manusia adalah hasil perubahan dari haiwan. Manakala realisme adalah falsafah yang memandang alam kebendaan sebagai realiti hidup. Merupakan pengakuan bahawa seseorang boleh melihat kepada benda-benda dan terpengaruh oleh keadaan sekeliling.

Pragmatism atau pragmatisme berasal daripada bahasa Latin “*pragmaticus*” dan bahasa Yunani “*pragmatikos*” yang bermaksud perbuatan atau tindakan, manakala dari aspek teknikal, sebagaimana yang dijelaskan oleh A Dictionary of Philosophical Terms and Names (2011), pragmatisme adalah teori yang menekankan kesan-kesan praktikal suatu idea dan fungsinya terhadap tindakan (Anastasia 2015). Falsafah pragmatisme yang dibentuk oleh ahli falsafah Amerika dan Dewey sering dikaitkan dengan orang yang mempunyai kepakaran mendalam dalam bidang falsafah, psikologi dan pendidikan di Amerika Syarikat ini mempercayai bahawa manusia akan memperoleh pengetahuan melalui pengalaman dan penyelesaian masalah (Maimun Aqsha 2015). Falsafah *eksistensialisme* pula lebih menjurus kepada individualistik yang menekankan aspek tanggungjawab terhadap diri dan kehidupan. Untuk lebih memberikan kejelasan terhadap fahaman satu aliran *eksistensialisme* iaitu falsafah yang menyatakan bahawa cara manusia dan benda lain adalah tidak mempunyai persamaan dengan menyedari dirinya berada di dunia dan hidupnya mempunyai erti (Ahmad Gito et.al 2015) yang mempunyai kebebasan dalam mengambil keputusan seterusnya menentukan kehidupan mereka.

Leksikal pendidikan berasal daripada morfem bebas Latin “Educare” yang bermaksud memelihara atau mengasuh. Menurut Yusuf al-Qardawi (1980) pemajmukan leksikal pendidikan merangkumi keseluruhan hidup. Ia termasuk akal, hati, rohani, jasmani, akhlak dan tingkah laku. Ini bertujuan untuk mempersiapkan kehidupan manusia dalam masyarakat yang sering menghadapi kebaikan dan kejahanan, kemanisan dan kepahitan. Dijelaskan Azhar Hj. Wahid dan Zawawi Jahya (2009), pendidikan seseorang insan itu akan terdidik dengan sifat-sifat kemanusiaannya. menyatakan bahawa pendidikan secara umumnya ialah perubahan ke arah menjadi insan yang baik atau menjadi manusia yang baik sekali gus beradab. Menurut Langgulung (1991) dan Tajul Ariffin Noordin (1993), tujuan dan matlamat pendidikan adalah bagi melahirkan insan sempurna) seperti yang dijelaskan dalam al-Quran surah al-Tin: 4 yang bermaksud : “*Sesungguhnya kami telah menjadikan manusia dengan sebaik-baik kejadian.*”

DASAR FALSAFAH PENDIDIKAN MALAYSIA

Dari sudut sejarah, falsafah pendidikan negara lahir daripada proses yang agak panjang iaitu satu proses pembinaan bangsa dan negara Malaysia semenjak merdeka lagi. Umum mengetahui bahawa falsafah pendidikan negara yang dirumuskan pada tahun 1988 dan disebut dalam Akta Pendidikan 1996 berbunyi:

Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepada untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga masyarakat dan negara.

Pengisytiharan Makkah mengenai matlamat pendidikan adalah meliputi “perkembangan yang seimbang dalam keseluruhan peribadi insan melalui latihan rohaniahnya, intelek, rasional, perasaan dan indera.” Sumber kepada pendidikan berkenaan adalah sumber wahyu dan akal sebagaimana yang diutarakan dalam resolusi persidangan tersebut (Konferensi pendidikan muslim sedunia di kota suci Makkah (King Abdul Aziz University) pada tahun 1977 (Irvan Mustofa Sembiring, 2020). Faktor keseimbangan dan kesepaduan dalam resolusi ini dapat dimanifestasikan dalam falsafah pendidikan negara yang dirumuskan 11 tahun kemudian. Sejarah pendidikan juga memainkan peranan dalam membentuk falsafah berkenaan. Dalam Akta Pelajaran 1961 yang dilaksanakan berdasarkan Penyata Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960, ada dinyatakan permulaan kepada Falsafah Pendidikan Negara. Walaupun begitu, ianya tidak luas dan hanya sesuai dengan zaman pembangunan negara pada tahun-tahun 1970-an dan 1980-an. Dasar Pelajaran Kebangsaan lebih menjurus kepada usaha kerajaan menyatupadukan semua kaum :

Tujuan Dasar Pelajaran di dalam negeri ini ialah bermaksud hendak menyatukan budak daripada semua bangsa di dalam negeri ini dengan menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang besar, walaupun perkara ini tiada dapat dilaksanakan dengan serta-merta melainkan hendaklah diperbuat dengan beransur ansur.

Penyata Razak 1956, Ordinan Pelajaran 1957, Laporan Rahman Talib 1960 dan Akta Pendidikan 1961 yang memungkinkan lahirnya Dasar Pelajaran Kebangsaan ini boleh dirumuskan sebagai *milestone* kepada zaman pengukuhan dan kemaskini dalam sistem pendidikan negara. Dasar Pelajaran Kebangsaan ini mula diolah kembali bagi menyesuaikan negara kita dengan perkembangan zaman. Laporan Kabinet 1979 adalah permulaan kepada pembentukan falsafah pendidikan negara yang lebih jelas. Sebahagian ciri-ciri Laporan Kabinet 1979 lebih banyak menumpukan kepada penegasan kepada pendidikan asas 3M (Membaca, Menulis dan Mengira), pendidikan kerohanian dan kurikulum ala Malaysia.

Zaman pensejagatan atau globalisasi merupakan satu cabaran baru bagi sistem pendidikan kita. Lahirnya Akta Pendidikan 1996 adalah satu sahutan kepada cabaran berkenaan. Buat pertama kalinya, dapat dilihat pelbagai pengukuhan dan penegasan dilakukan oleh pihak kerajaan termasuklah teras kepada sistem pendidikan iaitu falsafah pendidikan negara.

Pendidikan bertaraf dunia atau Malaysia sebagai pusat kecemerlangan dijadikan objektif sistem pendidikan masa kini sebagaimana maksud beberapa akta pendidikan yang lain.

Buat pertama kalinya, jelas menunjukkan bahawa bukan isu perpaduan sahaja sebagai isu utama yang perlu diselesaikan, akan tetapi isu yang lebih global seperti keperluan guna tenaga dan keterampilan ilmu yang sesuai dalam zaman. Apatah lagi, zaman ini dikenali sebagai permulaan gelombang maklumat dan pengetahuan. Buat pertama kalinya juga, pendidikan swasta sebagai rakan penyumbang dan ahli dalam sistem pendidikan kebangsaan diberikan perhatian yang sewajarnya. Menurut Datuk Dr. Syed Othman Alhabshi, Hasnan Hakim (2001), era pra-1996, institusi pendidikan swasta boleh dianggap *marginal* dan tidak diiktiraf.

Dalam zaman pengukuhan dan kemaskini, sistem pendidikan kebangsaan hanya merangkumi institusi pendidikan yang ditubuh dan diurus oleh pihak kerajaan termasuk institusi pendidikan vernakular. Dalam zaman pensejagatan ini, sistem pendidikan kita merangkumi pendidikan pra-sekolah sehingga ke pendidikan tinggi awam dan swasta. Barangkali, inilah yang dikatakan pendekatan perpaduan yang lebih relevan iaitu dengan merangkumi semua bentuk dan peringkat institusi pendidikan dalam negara untuk dikawalselia secara lebih menyeluruh dan bersepadu.

KONSEP BERSEPADU DALAM PENDIDIKAN

Kesepaduan dalam pendidikan membawa maksud pendidikan yang menyepadukan ilmu fardhu ain dan ilmu kifayah. Dengan makna lain ilmu fardhu ain merupakan ilmu yang wajib dipelajari oleh setiap individu. Konsep pendidikan bersepadu menurut Alias (2013) adalah merangkumi keseluruhan ilmu-ilmu pengetahuan iaitu ilmu dunia dan ilmu agama. Daripada beberapa pengertian di atas, dapat dirumuskan bahawa integrasi pendidikan Islam merupakan penyepaduan antara ilmu yang bermanfaat iaitu ilmu aqli dengan ilmu naqli. Ilmu aqli dalam konteks ini merujuk kepada al-Quran dan al-Hadith. Manakala ilmu aqli menurut Zetty et.al (2017) merangkumi beberapa ilmu seperti sains teknologi dan sains kemasyarakatan serta sains *tabii*. Inovasi dalam penyepaduan ilmu pedagogi dan aspek teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran merupakan satu inovasi bagi mencapai matlamat pendidikan yang bersepadu.

Objektif pendidikan bersepadu untuk membentuk keseimbangan akhlak dan pembangunan rohani untuk mencapai ilmu yang menjadi matlamat dalam pencarian ilmu. Hal yang demikian berlaku kerana konsep ilmu yang hanya bersandarkan rasional (akal), manakala empirikal dan saintifik gagal menghasilkan manusia yang mempunyai nilai adab dan akhlak yang tinggi. Pendidikan secara bersepadu mampu mendidik bukan sahaja akal tetapi hati (*spiritual intelligence*) manusia untuk mengakui adanya Pencipta dengan penyaksian kepada bukti kewujudan-Nya melalui pengajian ilmu intelektual.

Beberapa pendapat daripada tokoh pendidikan yang mendefinisikan akan pendidikan bersepadu, antaranya Hj Awang Mahmud Saedon (2003) yang mengatakan bahawa pendidikan

bersepada merupakan pendidikan yang bersumberkan, berpaksikan, dipimpin, dan berlandaskan Al-Quran dan Al-Sunnah. Ia juga merupakan sebuah konsep pendidikan yang diperkenalkan bagi usaha mengatasi pengaruh sekularisme ke atas sistem pendidikan Islam. Konsep pendidikan bersepada menurut Ahmad Mohd Salleh (2008) pula merupakan keistimewaan Islam. Ia berlawanan sekali dengan aliran pemikiran Barat yang memisahkan ilmu kepada dua bahagian yang disebut sebagai teologi dan sains atau *religious knowledge* di Barat. Hal ini dijelaskan oleh Mohd Kamal Hassan (1981) bahawa dalam Islam, bidang teknologi dan sains tidak bercanggah antara satu sama lain dan ia saling melengkapi. Dua bidang ini lahir daripada satu pandangan iaitu Tauhid. Kesimpulan akhir ilmu mengenai tauhid diakui oleh Allah s.w.t. sendiri, para malaikat dan orang berilmu (Ali Imran, 3:18). Dalam pendidikan terdapat beberapa pembahagian ilmu iaitu akidah, syariah dan akhlak. Namun, konsep bersepada merangkumkan semua ilmu tersebut membawa keseimbangan antara akal dan wahyu.

Teras pendidikan bersepada

Konsep pendidikan bersepada berteraskan empat elemen yang penting iaitu; kreativiti (*creativity*), refleksi (*reflectivity*), bekerjasama (*reciprocity*) dan bertanggungjawab (*responsibility*). Elemen-elemen ini menjadi tunjang pembentukan kesepaduan ilmu dari sudut inovasi dan teknologi iaitu keberjayaan aplikasi pendidikan bersepada (Maimun Aqsha 2015). Menurut Maimun (2015) dalam membentuk teknologi dan inovasi pendidikan berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran bersepada, pemfokusan terhadap empat elemen ini diperlukan oleh pendidik bagi mencapai matlamat kesepaduan antara kurikulum, strategi, pendekatan, kaedah pengajaran, teknik pengajaran dan aspek penilaian.

Perkataan **kreativiti** (*creativity*) yang berasal daripada Barat bermaksud keupayaan mencipta atau daya cipta. Difahamkan bahawa kreativiti merupakan keupayaan menjana idea dan pemikiran kreatif untuk menghasilkan kerja pelbagai bentuk dan teknologi. Hal ini bersesuaian dengan firman Allah bermaksud dalam surah *al-An'am*, ayat 50, "Adakah sama keadaan orang yang buta dengan orang yang melihat?" Melalui ayat ini, Allah s.w.t. menerangkan bahawa manusia yang berfikiran kreatif akan menghasilkan kerja yang berbeza dengan orang lain. Daripada ayat ini, umat Islam disarankan untuk mengambil pengajaran dan kemajuan orang lain bagi memajukan diri, agama bangsa dan negara.

Elemen **refleksi** (*reflectivity*) merupakan elemen yang kedua. Elemen ini merupakan cetusan idea Dewey (1933) yang dikemukakan dalam bukunya "*How We Think*". Elemen refleksi dari sudut pandangan Islam merupakan muhasabah diri atau membuat timbal balik. Dalam pendidikan, elemen ini dapat diterapkan berdasarkan teknologi digital. Konsep elemen ini akan menghasilkan mutu kerja yang lebih baik dari masa ke semasa. Muhasabah diri dan kerjaya dalam segala aktiviti dan tindakan telah dijelaskan dalam firma Allah:

"Barang siapa yang mengerjakan kebaikan seberat zarah pun, nescaya dia akan melihat (balasan)nya. Dan barang siapa yang mengerjakan kejahatan seberat zarah pun, nescaya dia akan melihat (balasan)nya pula".(surah al-zalzalah 7-8)

Justeru itu, dalam konteks amalan pengajaran dan pembelajaran konsep refleksi ini hendaklah sentiasa diaplikasikan supaya pensyarah dan pelajar sentiasa memperbaiki hasil kerja berinovasi dari masa ke semasa.

Elemen **kerjasama** (*reciprocity/cooperation*) adalah elemen yang ketiga. Pembentukan kerjasama dalam organisasi dianggap sebagai satu elemen penting untuk menghasilkan sesuatu inovasi (Amabile, 1988). Elemen ini perlu ditekankan dalam sesebuah organisasi secara bersama-sama dalam komuniti sepetimana yang disarankan oleh Serdyukov (2017). Dalam pendidikan, guru tidak boleh bekerja bersendirian tanpa pelajar dan pelajar perlu mempunyai komuniti dalam membentuk pembelajaran aktif dan proaktif. Kerjasama dengan pelajar sebagai *co-creator* selari dengan konsep inovasi hidup (Mathe, 2016). Pendekatan teknologi membantu kerjasama antara pelbagai pihak dapat diurus dengan cepat dan mudah di mana-mana dan bila-bila masa sahaja. Daripada kumpulan kerjasama yang dibina akan melahirkan hasil kerja yang baik. Ini dijelaskan dalam firman Allah dalam surah *Ali Imran*, ayat 159:

“Maka disebabkan rahmat dari Allah-lah kamu berlaku lemah-lembut terhadap mereka. Sekiranya kamu bersikap keras lagi berhati kasar, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekeliling mu. Karena itu maafkanlah mereka, mohonlah ampun bagi mereka, dan bermusyawarah lah dengan mereka dalam urusan itu. Kemudian apabila kamu telah membulatkan tekad, maka bertawakkal lah kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang yang bertawakkal kepada-Nya”.(*Ali Imran*, ayat 159)

Ayat di atas menjelaskan sebaik-baik sikap seorang mukmin ialah lemah lembut, memaafkan dan mengutamakan musyawarah dalam mengambil keputusan bagi menghasilkan kerja yang berkesan dan berkualiti.

Elemen yang terakhir iaitu **bertanggungjawab** (*responsibility*). Elemen ini didefinisikan Kamus Dewan edisi keempat (2010) dengan maksud kewajipan yang dipikul oleh seseorang. Tanggungjawab setiap manusia pada pelbagai cabang iaitu tanggungjawab terhadap pencipta, manusia dan alam. Manakala bertanggungjawab dalam pendekatan teknologi dilihat melalui apa-apa yang dilaksanakan melalui aplikasi yang digunakan dan bertanggungjawab pada hasil kerja. Elemen ini disebut dalam sabda Rasulullah s.a.w.:

“Setiap kalian adalah pemimpin dan setiap pemimpin akan diminta bertanggungjawab atas yang dipimpinnya. Imām (ketua Negara) adalah pemimpin yang akan diminta bertanggungjawab atas rakyatnya. Seorang suami dalam keluarganya adalah pemimpin dan akan diminta bertanggungjawab atas keluarganya. Seorang isteri adalah pemimpin di dalam urusan rumah tangga suaminya dan akan diminta bertanggungjawab atas urusan rumah tangga tersebut. Maka setiap kamu, (juga seorang pembantu adalah pemimpin dalam urusan harta tuannya) dan akan diminta bertanggungjawab atas urusan tersebut”. (HR.Bukhari : 2232)

Matlamat pendidikan juga ialah perubahan dan transformasi diri individu dari satu tahap ke satu tahap yang lebih baik. Perubahan dan transformasi ini tidak akan terlaksana tanpa melibatkan pembangunan insan yang perlu direncanakan dan mengikuti acuan FPK. Pembangunan insan yang seimbang dan holistik tidak akan memungkinkan salah satu aspek tetapi akan digabungkan agar dapat melahirkan insan yang mempunyai pegangan agama, nilai-nilai murni serta berkemahiran yang mantap. Berdasarkan FPK, matlamat pendidikan adalah bagi melahirkan manusia yang seimbang dan harmonis dari semua aspek kemanusiaan. Di dalam pernyataannya terdapat unsur-unsur penting yang berkaitan dengan pembangunan insan iaitu membangunkan intelek, membangunkan rohani dan emosi serta membangunkan jasmani. Elemen-elemen ini penting disepadukan bagi membangunkan insan agar tidak berlaku kepincangan kejadian terhadap makhluk ciptaan Allah s.w.t. Dijelaskan oleh Tajul Ariffin Noordin (1993) bahawa ketidakseimbangan elemen-elemen ini akan membawa kepada golongan manusia yang pelbagai. Sebaliknya, pendidikan yang hendak dihasilkan melalui FPK ialah satu golongan manusia sahaja iaitu manusia yang bergelar insan terangkum padanya nilai-nilai murni sama ada aspek rohani, emosi, jasmani dan pemikirannya. Kesemua elemen inilah yang menjadikan manusia itu sebaik-baik kejadian (*ahsanu al- taqwim*).

a. Pembangunan intelektual

Falsafah menurut Mok Soon Sang (2004) bermaksud mempersoalkan prinsip-prinsip realiti, ilmu dan nilai. Membangunkan intelektual dan pemikiran manusia merupakan salah satu cabang utama falsafah iaitu epistemologi yang berperanan untuk membangun manusia. Konsep ilmu ini mampu meningkatkan dan memperkembangkan minda manusia. Teori epistemologi yang berkaitan teori Islam banyak digunakan dalam kurikulum sistem pendidikan Malaysia. Islam membuktikan bahawa ilmu mampu membawa umat daripada kejahanan kepada cahaya kebenaran. Oleh itu, kurikulum dirangka oleh FPK dengan menyusun pelbagai kaedah dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran serta penilaian bagi menepati teori ilmu. Menurut Ahmad Mohd. Salleh (2008) dalam membangunkan intelektual manusia, terdapat beberapa unsur yang diberi tumpuan kepada daya berfikir iaitu mempunyai kemahiran 3M, mendapat, meningkat dan menyebarkan ilmu, berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) serta memanfaatkan ilmu untuk diri dan orang lain. Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 juga telah menfokuskan kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) bagi menentukan kejayaan transformasi pendidikan seperti yang digariskan. Wan Ali Akbar Wan Abdullah et.al (2020) turut memberikan aplikasi KBAT dalam Pendidikan Islam berdasarkan empat bidang iaitu al-Quran dan Hadis, Akidah, Fikah dan Akhlak. Jelas bahawa pembangunan intelektual ini lebih menjurus kepada pembangunan kognitif seseorang.

b. Pembangunan Kerohanian dan Emosi

Menurut Tajul Ariffin Noordin (1993), bangsa yang kuat serta mulia tidak hanya bergantung pada kekuatan fizikal yang bercorak kebendaan dan teknologi. Lebih jelas, manusia yang berjaya bukan sahaja mereka yang cemerlang pada satu aspek sahaja malahan istilah berjaya yang sebenar diukur melalui kualiti rohaninya. Hal ini dijelaskan dalam al-Quran melalui surah al-

Mukminum, ayat 1 hingga 2, “Sesungguhnya beruntunglah orang-orang yang beriman iaitu orang-orang yang khusyu’ dalam sembahyangnya.” Berdasarkan ayat ini, kekuatan dalam seseorang itu merupakan kayu pengukur dalam menentukan kejayaan seseorang. Menurut Ahmad Mohd Salleh (2008), FPK amat menekan pembangunan rohani dan emosi yang seimbang dengan menerapkan nilai-nilai murni elemen merentas kurikulum. Bagi mengukuhkan ilmu yang menghubungkan pembangunan rohani dan emosi, FPK menjadikan prinsip kepercayaan sebagai pegangan. Dengan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah s.w.t akan mengukuhkan lagi sahsiah keperibadian manusia. Menurut Ahmad Mohd Salleh (2008) lagi, unsur-unsur rohani juga diterapkan dalam kurikulum iaitu menyedari dan menginsafi daya Pencipta, menghargai dan mensyukuri pemberian Pencipta, menyedari dan menginsafi tanggungjawab, memupuk dan membina disiplin diri serta membentuk akhlak mulia. Selain itu, pembangunan rohani dan emosi juga berkait secara afektif dengan perasaan dan jiwa.

c. Pembangunan Jasmani/Fizika

Dalam pendidikan, kesihatan tubuh badan memberi kesan ke atas pengajaran dan pembelajaran agar berjalan lancar dan lebih berkesan. Hal ini disebut dalam pepatah Arab, “akal yang sihat berada dalam tubuh badan yang sihat.” Kurikulum yang dirangka FPK menyepadukan pendidikan jasmani. Aktiviti ko-kurikulum yang dibentuk juga menjurus kepada pembangunan jasmani dan fizikal yang berbentuk kesukaran, kemahiran teknikal dan vokasional serta keusahawanan. Kemahiran-kemahiran tersebut akan membantu seseorang pelajar menjalani kehidupannya pada masa akan datang. Ini dijelaskan dalam sabda Rasullullah s.a.w., “kamu lebih mengetahui urusan duniamu, maka laksanakanlah apa yang kamu kehendaki.” Maksudnya bahawa usaha dalam membangunkan insan, unsur-unsur kemanusiaan yang wujud dalam diri seseorang itu perlu dibangunkan seiring dengan peredaran zaman. Ini juga merupakan kaedah usul yang digunakan sebagai pegangan ulama’ dalam membina hukum yang bergantung kepada kepentingan dan maslahah semasa iaitu konsep *masaleh mursalah*. Menurut Hj Hassan Hj Ahmad & Hj Mohd Soleh Hj Ahmad (2002) juga, dalam masa yang sama, konsep *sad al-Zarai* turut digunakan agar dapat menghalang sebarang keburukan. Oleh yang demikian, kurikulum pendidikan juga mengambil kira aspek perubahan ini agar pembangunan insan dapat dicapai seiring dengan zaman. Hal ini berkait dengan penggunaan teknologi maklumat dalam pengajaran dan pembelajaran bagi membantu kemahiran psikomotor seseorang dalam mendapatkan maklumat dengan mudah dan cepat. Tumpuan terhadap pembangunan insan ini bertepatan dengan konsep pendidikan bersepadu. Pembangunan insan dalam kerangka FP menunjukkan bahawa keinginan dan kemauan pendidikan menghasilkan insan yang berkualiti dari semua aspek. Falsafah pendidikan adalah garis panduan bagi mencapai maksud pendidikan yang sebenar.

FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM BERSEPADU DI MALAYSIA

Matlamat Kurikulum Pendidikan Islam adalah untuk membina dan membentuk hamba dan khalifah Allah s.w.t. yang berilmu, beriman, bertaqwa, beramal soleh, berakhlak mulia dan berketerampilan berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah serta menyumbang ke arah

mempertingkatkan tamadun bangsa dan negara serta kesejahteraan alam demi mencapai kesejahteraan dunia dan akhirat. Turki Rabib (1982) dalam Ahmad Mohd Salleh (2008), berpendapat bahawa Falsafah Pendidikan Islam dibina berdasarkan empat rukun, iaitu; (1) Iman yang teguh kepada Allah dan Rasul, malaikat, syurga, neraka, dan hari kebangkitan, (2) Akhlak yang baik dan mulia, (3) Berilmu dalam erti yang menyeluruh, dan (4) Amal soleh di dunia dan di akhirat. Falsafah Pendidikan Islam berusaha melahirkan individu yang baik serta melahirkan warganegara yang beriman dan beramal soleh. Selain itu, turut berusaha untuk melahirkan insan yang mempunyai keseimbangan dari segi kebendaan dan rohani. Objektif utama Kurikulum Pendidikan Islam bertujuan membolehkan murid:

1. Membaca ayat pilihan daripada al-Quran dengan betul, lancar, bertajwid dan fasih,
2. Melazimi bacaan al-Quran dalam kehidupan.
3. Menghafaz ayat pilihan daripada al-Quran dengan betul, lancar, bertajwid dan fasih.
4. Mengamalkan bacaan ayat hafazan pilihan dalam solat dan amalan kehidupan.
5. Merumus kefahaman ayat al-Quran pilihan dan mengamalkannya.
6. Membaca hadis pilihan dengan betul.
7. Merumus kefahaman hadis pilihan dan mengamalkannya.
8. Merumus kefahaman akidah Islamiah dan meyakini sebagai pegangan dan tunjang dalam kehidupan.
9. Merumus kefahaman ilmu fiqah dan mengamalkannya serta menghayatinya dalam kehidupan.
10. Merumus kefahaman sirah Nabi Muhammad s.a.w., sejarah tokoh-tokoh dan tamadun Islam serta mengambil iktibar daripadanya.
11. Merumus kefahaman akhlak Islamiah dan mengamalkan serta menghayatinya dalam kehidupan.

Islam tidak melihat dari sudut intelek sahaja dalam pembangunan manusia, tetapi secara menyeluruh, sepenuhnya dan sempurna. Sebagaimana dalam surah *al-Baqarah* ayat 208:

Wahai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam secara keseluruhannya, dan janganlah kamu turuti langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh kamu yang nyata.

Konsep bersepadu dalam Falsafah Pendidikan Islam Malaysia berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu Kepercayaan dan Kepatuhan kepada Tuhan. Falsafah pendidikan Negara berteraskan kepada kepercayaan kepada Tuhan. Menurut Ahmad Mohd Salleh (2008), konsep ini menjelaskan bahawa manusia dan alam dijadikan oleh Pencipta, mengetahui hukum dan fenomena alam mengikut peraturan Pencipta dan menyedari bahawa manusia dijadikan untuk memakmurkan alam. Aspek ini merupakan asas utama dalam Falsafah Pendidikan Islam. Pendidikan Islam tidak akan menerima sebarang kurikulum yang menyebabkan manusia yang dilahirkan sebagai manusia atheist. Ini kerana manusia atheist hanya bertuhankan nafsu dan kebendaan yang akan menyebabkan keharmonian dalam masyarakat akan terganggu. Menurut

Al-Nahwi dalam kajian Noriat A. Rashid (2014), asas utama dalam Falsafah Pendidikan Islam ialah keimanan kepada Allah S.W.T.

Pendidikan Islam di Malaysia terkini digubal berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) berasaskan enam tunjang, iaitu; (1) Komunikasi, (2) Kerohanian, Sikap dan Nilai; (3) Kemanusiaan, (4) Keterampilan Diri, (5) Perkembangan Fizikal dan Estetika, serta (6) Sains dan Teknologi. Enam tunjang tersebut merupakan domain utama yang menyokong antara satu sama lain dan disepadukan dengan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. (KPM 2014). Kesepaduan ini bertujuan membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif

a. Komunikasi

Komunikasi diertikan sebagai satu proses interaksi antara manusia yang melibatkan pertukaran maklumat melalui pergerakan isyarat simbol atau pertuturan. Terdapat dua jenis komunikasi ialah komunikasi lisan dan bukan lisan (Capstone 2001; Teven et al. 2004 manakala komunikasi bukan lisan pula melibatkan jenis-jenis interaksi seperti penggunaan bahasa badan, ekspresi muka, postur dan hubungan mata. Komunikasi juga merupakan satu kemahiran dan kebolehan bagi mewujudkan interaksi atau hubungan perantara atau sebaliknya dengan individu lain. Menurut Nussabaum (2007), komunikasi meliputi kemahiran menulis, membaca, berhujah, mendengar, etika dalam komunikasi serta mempunyai hubungan dengan penggunaan teknologi. Dijelaskan Sulaiman (2010), komunikasi proses utama yang tidak dapat dielakkan bagi setiap individu dalam kehidupan seharian kerana proses ini akan terwujud apabila terjadi interaksi antara dua individu. Menurut Nurul Salmi (2014) kemahiran komunikasi merupakan suatu elemen penting yang harus ada dan dikuasai oleh setiap pelajar, sama ada bagi memenuhi keperluan mereka ketika proses pelajaran, persiapan untuk menempuh alam pekerjaan ataupun dalam interaksi sosial. Dalam KSSM pendidikan Islam di Malaysia menginginkan pelajar menguasai kemahiran berbahasa secara lisan dan bukan lisan semasa berinteraksi dalam kehidupan seharian sebagai persediaan diri ke alam kerjaya.

b. Kerohanian, Sikap dan Nilai

Tiga aspek ini berkait antara satu sama lain. Kerohanian melibatkan penghayatan amalan agama, sikap dan nilai murni dalam kehidupan. Sikap lebih menjurus kepada peningkatan kepatuhan kepada Tuhan secara berterusan dalam seharian. Nilai pula diterapkan dalam pembentukan insan berakhhlak mulia, berintegrasi dan akauntabiliti. Matapelajaran pendidikan Islam dipelajari oleh murid dalam tempoh dua jam seminggu. Ianya melibatkan pengetahuan dan kemahiran asas yang berkaitan dengan aqidah (Rukun Iman, Rukun Islam, Kalimah Syahadah), ibadah (bersuci, berwuduk, pergerakan solat), sirah (sirah Rasullullah s.a.w), akhlak (mencontohi akhlak Rasullullah s.a.w, amalan mengikut adab), asas bahasa al-Quran dan tulisan jawi (bahasa Arab, huruf hijaiyah, huruf jawi, doa pilihan dan surah juzu' amma).

c. Kemanusiaan

Elemen tunjang kemanusiaan menekankan perkembangan kemahiran intelektual dengan penguasaan ilmu serta pengetahuan mengkonsepsi, amalan tentang masyarakat dan pembinaan warganegara untuk abad ke-21, penguasaan ilmu alam sekitar, negara dan global serta penghayatan nilai asas demokrasi, semangat patriotism dan perpaduan serta pembinaan komunikasi dalam menyelesaikan masalah.

d. Ketrampilan Diri

Keterampilan diri turut diterapkan dalam pendidikan di Malaysia. Ini membantu pelajar dalam pemupukan kepimpinan dan sahsiah diri melalui aktiviti kurikulum dan kokurikulum. Selain itu, penghayatan nilai positif (harga diri dan keyakinan diri) ditekankan. Membantu pelajar menonjolkan potensi diri, kemahiran yang ada serta daya kreatif. Keterampilan diri membantu pelajar membina perhubungan yang bermakna dengan individu masyarakat. Ini dijelaskan keperluan keterampilan diri menurut Gainer (1988) telah membuat ringkasan mengenai kemahiran “*employability*”, pertama adalah keterampilan individu yang meliputi (kemahiran komunikasi, kemahiran berhubung, kemahiran komputer, dan kemahiran berbudaya), keduanya adalah kemahiran kebolehpercayaan individu yang meliputi (pengurusan individu, beretika, dan kematangan vokasional) dan akhir sekali adalah kemahiran pengubahsuaian ekonomi (kemahiran menyelesaikan masalah, pembelajaran “*employability*”, dan juga pembangunan kerjaya).

e. Perkembangan Fizikal dan Estetika

Aspek perkembangan fizikal dan estetika amat penting dalam pendidikan. Menurut Cahrlesworth (2014), aspek perkembangan fizikal seharusnya diberi perhatian. Tanpa aspek perkembangan fizikal yang mantap, masalah akan dihadapi dalam semua aktiviti dan pengendalian peralatan. Perkembangan fizikal juga meningkatkan psikomotor halus dan kasar serta koordinasi mata-tangan. Ia merangkumi pelbagai teknik yang betul seperti melompat, penyambut objek, membaling objek serta postur badan yang betul ketika duduk. Selain itu, tunjang ini menekankan kepada pembinaan amalan penjagaan kesihatan diri, kebersihan persekitaran dan pemakanan berkhasiat. Lazimnya, badan yang sihat dapat mampu memberikan tumpuan yang baik terhadap pengajaran dan pembelajaran. Tabiat yang baik akan memanfaatkan dalam kehidupan sepanjang hayat. Aspek keselamatan juga diterapkan dalam tunjang ini daripada sumber yang mungkin membahayakan diri termasuk langkah pencegahan dan penjagaan kehormatan diri.

f. Sains dan Teknologi

Penguasaan ilmu sains, matematik dan teknologi turut dititik beratkan. Pengaplikasian, pengetahuan dan kemahiran sains, matematik, teknologi secara bertanggungjawab dalam kehidupan harian berlandaskan sikap dan nilai sains, matematik dan teknologi perlu diterapkan dalam diri pelajar. Tunjang sains, matematik dan teknologi merangkumi awal sains, matematik, penggunaan objek dalam aktiviti pembinaan dan penggunaan teknologi ICT. Daripada enam tunjang tersebut, Pendidikan Islam memfokuskan beberapa aspek yang ditekankan iaitu aspek

ilmu, amali, amalan, penghayatan dan pembudayaan. (KPM 2015) Berikut adalah maksud kepada setiap satu aspek tersebut mengikut konteks KSSM Pendidikan Islam.

Ilmu

Ilmu bermaksud isi kandungan atau fakta ilmu yang ditentukan di dalam Standard Kandungan (SK) dan Standard Pembelajaran (SP). Contohnya dalam tajuk solat sunat dhuha mengandungi fakta tentang maksud, hukum dan dalil solat sunat dhuha. Isi kandungan atau fakta tersebut disampaikan secara teori kepada murid.

Amali

Amali bermaksud melaksanakan secara amali teori-teori yang dipelajari. Contohnya setelah murid diajar secara teori tentang solat sunat dhuha, murid diminta melaksanakan solat sunat dhuha secara amali. Amali sangat penting dilaksanakan bagi memastikan kefahaman yang betul tentang sesuatu teori. Guru perlu memperbetulkan sekiranya mendapati ada kesilapan semasa murid melakukan amali.

Amalan

Amalan bermaksud mengamalkan ilmu yang dipelajari dalam kehidupan harian. Contohnya setelah mempelajari tentang solat sunat dhuha dan melaksanakannya secara amali murid hendaklah dibimbing agar mengamalkan solat sunat dhuha dalam kehidupan harian. Murid perlu sentiasa diingatkan agar cuba melaksanakan solat sunat dhuha mengikut kemampuan mereka.

Penghayatan

Penghayatan bermaksud menghayati kesan dan pengajaran dari amalan-amalan yang dilaksanakan. Contohnya matlamat pensyariatan solat sunat adalah bagi mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. seterusnya melahirkan muslim berakhhlak mulia. Murid perlu diingatkan agar sentiasa berakhhlak mulia kerana mereka telah melaksanakan solat sunat dhuha.

Pembudayaan

Pembudayaan bermaksud menjadikan amalan-amalan baik yang diamalkan secara individu sebagai amalan yang dilaksanakan secara berjamaah atau beramai-ramai. Contohnya amalan melaksanakan solat sunat dhuha dijadikan amalan semua warga sekolah. Menurut Ahmad Mohd Salleh (2008), insan yang lahir daripada sistem pendidikan yang berteraskan Falsafah Pendidikan Islam akan bersifat taqwa, ikhlas, ihsan, itqan, istiqamah dan mempunyai sifat-sifat kemanusiaan yang terpuji seperti berkasih sayang, hormat-menghormati dan keperibadian tinggi. Dijelaskan lagi oleh Mohd Kamal Hassan (1987) dan Ahmad Mohd Salleh (2008), selain itu pendidikan Islam juga menekankan konsep-konsep berikut:

1. Pendidikan seumur hidup
2. Pembangunan seluruh potensi (roh, akal dan jasad) secara padu mencakupi aspek kognitif, afektif dan volitional.

3. Menyampaikan dua fungsi iaitu hamba kepada Allah(ubudiyyah) dan khalifah Allah (wakil Allah di muka bumi)
4. Memakmurkan seluruh alam.
5. Kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Melalui konsep Falsafah Pendidikan Islam tersebut, jelas bahawa Falsafah Pendidikan Islam tidak hanya mementingkan pemindahan ilmu, tetapi menekankan aspek nilai dan akhlak mulia dalam usaha mencapai matlamat pengutusan Nabi Muhammad s.a.w. iaitu dalam menyempurnakan akhlak. Tambahan juga Falsafah Pendidikan Islam yang bersifat bersepada dalam iman, ilmu dan amal serta bermatlamat kebahagian dan kesejahteraan hidup dunia dan akhirat.

FAKTOR-FAKTOR PEMBENTUKAN POLISI PENDIDIKAN ISLAM

Falsafah Pendidikan Kebangsaan mengandungi idea dan pandangan yang rasional terhadap pendidikan. Fungsi asas falsafah pendidikan ialah memberi panduan dan haluan kepada pakar pendidikan untuk merancang atau mereformasikan sistem pendidikan berlandaskan idea konsep dan matlamat pendidikan negara kita Malaysia. Sehubungan ini, Falsafah Pendidikan Kebangsaan digubal secara rapi dan teliti oleh pakar-pakar pendidikan dengan mengambil kira seluruh aspek yang berkaitan dengan keperluan-keperluan individu, masyarakat dan negara. Semasa penggubalan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, beberapa faktor yang berkaitan telah dipertimbangkan terlebih dahulu supaya ianya boleh menjadi panduan dan bimbingan yang manfaat kepada segala usaha pendidikan. Di antara faktor-faktor mengikut Mok Soon Sang (2000) yang mempengaruhi pertimbangan asas semasa menggubal Falsafah Pendidikan Kebangsaan seperti berikut:

a. Faktor Agama

Agama Islam ialah agama rasmi bagi negara Malaysia. Di samping itu, agama Kristian, agama Buddha, agama Hindu dan sebagainya juga bebas dianuti mengikut undang-undang negara. Agama-agama ini, khasnya agama Islam merupakan faktor-faktor yang penting yang mempengaruhi pertimbangan asas dalam proses penggubalan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

b. Faktor Sosial

Masyarakat Malaysia terdiri daripada berbilang kaum. Keharmonian dan kemakmuran negara bergantung kepada amalan sikap toleransi, bekerjasama dan hormat-menghormati antara satu sama lain. Sikap positif ini adalah amat penting dalam usaha mencapai perpaduan kaum yang merupakan kriteria yang paling penting untuk mewujudkan keadaan sosial yang stabil.

c. Faktor Politik

Sebagaimana yang diketahui umum, Falsafah Pendidikan Kebangsaan digubah berlandaskan kepada ideologi negara yang dicerminkan dalam dokumen-dokumen rasmi seperti Laporan

Pendidikan, Rancangan Malaysia dan Rukun Negara. Di dalam usaha membentuk idealogi negara, pengaruh politik memainkan peranan penting dalam penentuan dasar pendidikan negara. Sehubungan ini, matlamat pencapaian perpaduan kaum menjadi pertimbangan asas dalam penggubalan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

d. Faktor Ekonomi

Rakyat Malaysia yang terlatih dalam pelbagai kemahiran dapat membantu negara memperkembang ekonomi dengan meningkatkan daya pengeluarannya. Cita-cita memperkembangkan ekonomi Malaysia telah menjadi salah satu matlamat pendidikan negara yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

e. Faktor Individu

Potensi Individu dapat dikembangkan melalui proses pendidikan. Potensi individu ini meliputi aspek-aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani. Insan yang seimbang dan harmonis sentiasa mengamalkan sikap bersyukur, sentiasa menikmati ketenteraman jiwa serta bersedia menghadapi cabaran hidup dengan tenang. Ini merupakan pernyataan utama dalam kandungan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

f. Faktor Sejagat

Penggubalan Falsafah Pendidikan pula tidak terpisah daripada pengaruh perkembangan sistem pendidikan antarabangsa. Sehubungan itu, idea-idea yang dihasilkan daripada seminar pendidikan antarabangsa pula membawa pengaruhnya ke atas Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Faktor sejagat yang berkaitan dengan pendangan dan visi sedunia, perkembangan pendidikan antarabangsa dan keupayaan warganegara memberi sumbangan ke arah yang dapat membawa persefahaman antarabangsa. Misalnya, program pendemokrasian pendidikan, pensarwajagatan pendidikan dan pendidikan seumur hidup yang dirancangkan oleh UNESCO 1980-an.

KESIMPULAN

Dasar dan polisi dalam sesuatu pembinaan kurikulum bersepada amatlah penting bagi setiap pendidikan di dunia ini dan pendidikan Islam khasnya di Malaysia. Adanya dasar dan polisi yang sistematik mampu membantu guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran mengikut aspek-aspek yang perlu diutamakan dan diterapkan dalam sesi tersebut. Nilai-nilai dan tunjang yang disusun sebagai salah satu strategi dan pendekatan pengajaran yang pelbagai membantu pengajaran dan pembelajaran lebih menarik dan tidak membosankan pelajar. Konsep dan teras polisi pendidikan Islam bersepada yang menjelaskan empat asas rukun mengikut Falsafah Pendidikan dan Falsafah Pendidikan Islam iaitu; (i) kreativiti (*creativity*), (ii) refleksi (*reflectivity*), (iii) bekerjasama (*reciprocity*) dan (iv) bertanggungjawab (*responsibility*) amat perlu diamalkan secara konsisten. Kesediaan guru dari pelbagai aspek cabaran dalam pengajaran dan pembelajaran memberi peranan penting dalam menjalankan strategi pengajaran, di samping memupuk minat murid terhadap pendidikan berdasarkan pemusatan murid. Untuk proses ini, guru perlu memberikan motivasi dan menggalakkan pelajar melibatkan diri secara aktif dalam

setiap aktiviti yang berpusatkan murid. Justru itu, pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan secara bersepada adalah untuk membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berpemikiran kritis dan kreatif serta inovatif.

RUJUKAN

- Ahmad Gito Syauban, Bimo Stanza Putra & Eka Sapta Agus Wibowo. 2015. *Materi Presentasi Aliran-Aliran Dalam Filsafat*. Universitas negeri Jakarta. Indonesia
- Ahmad Mohd Salleh. 2008. *Pengajian Agama Islam & j-QAF: Metodologi dan Pedagogi Pendidikan*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Alias Azhar. 2013. *Pendemokrasian Sistem Pendidikan Islam di Malaysia: Satu Tinjauan*. *Jurnal Kajian Pendidikan*, 3(1), 59-72. Universiti Utara Malaysia Kedah.
- Amabile, T. 1988. A Model of Creativity and Innovation in Organizations. *Research in Organizational Behaviour*. 10: 123-167.
- Anastasia Jessica Adinda S. 2015. *Menelusuri Pragmatisme Pengantar pada Pemikiran Pragmatisme dari Peirce Hingga Habermes*. Surabaya: Pt Kanisius.
- Azhar Hj. Wahid & Zawawi Jahya. (2009). *Pendidikan Pembangunan Modal Insan*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.)
- BPK. 2014. *Laman Web Rasmi Bahagian Pembangunan Kurikulum: Kementerian Pendidikan Malaysia*. Dipetik pada 23hb September 2014
- Charlesworth, R., 2014, *Understanding Child Development*, (9nd Ed.), Wadsworth Cengage Learning
- Datuk Dr. Syed Othman Alhabshi, Hasnan Hakim. 2001. Kongres Pendidikan Melayu di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, pada 1 – 2 September 2001
- Dewey, J. 1933. *How We Think. A Restatement Of The Relation of Reflectivethinking To the Educative Process*. Boston. D.C. Heath And Company.
- Dokumen Standard Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). 2015. Bahagian Pembangunan Kurikulum. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Gainer.1988. *Astd Update: Basic Skills*. Alexandria, Va: American Society For Training And Development. (Eric No. Ed 291 882).
- Hassan Langgulung. 1991. *Pendidikan Islam Menghadapi Abad Ke 21*. Shah Alam, Selangor: Hizbi Sdn. Bhd
- Hisarma Saragih, Stimsom Hutagalung, Arin Tentrem Mawati . 2021. Filsafat Pendidikan. Yayasan Kita Menulis 2021
- Irvan Mustofa Sembiring. 2020. Pendidikan Islam Dalam Perspektif World Converence On Muslim Education. <https://journal.iainlangsa.ac.id/index.php/ikhtibar> <https://doi.org/10.32505/ikhtibar.v7i1.611>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2006. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum

- Maimun Aqsha Lubis. 2015. Effective Implementation of The Integrated Islamic Education. *Global Journal Al-Thaqafah (GJAT)*, 5(1):60.
- Mathe, H. 2016. *Living Innovation: Competing in the 21st Century Access Economy*. Singapore: World Scientific Publishing Co. Pte. Ltd.
- Mok Soon Sang. 2009. *Literatur dan Kaedah Penyelidikan*. Puchong, Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Muhammad Shafiq. 1995. Islamization Of Knowledge: Philosophy and Methodology and Analysis Of The Views and Ideas Of Ismail R. AlFaruqi, S. Hossein Nasr and Fazlur Rahman. *Jurnal Hamard Islamicus*. Vol XVIII No 3.
- Noriati A. Rashid, Lee Keok Cheong, Zulkifli Mahayudin dan Zakiah Noordin, 2014, *Falsafah dan Pendidikan di Malaysia*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd
- Nurul Salmi Mohd Dazali. 2014. Tahap Kemahiran Komunikasi Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan Ipta Di Utara Semenanjung Malaysia (Communication Skill among Undergraduate Students of Education in Northern Malaysia), *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM (Malay Language Education Journal – MyLEJ)*. 4(2): 44-56
- Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) (2006-2010). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) (2006-2010). Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025)* Pendidikan Pra-Sekolah hingga Lepas Menengah, (2013), Kementerian Pendidikan Malaysia
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Kementerian Pendidikan Malaysia
- Pendidikan PraSekolah hingga Lepas Menengah. 2013. Kementerian Pendidikan Malaysia
- Pusat Perkembangan Kurikulum. 2016. Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah Bahasa Malaysia Sekolah Kebangsaan Tahun 6. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Saharia Hj. Ismail. 2015. *Pembangunan Insan Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. Journal of Human Capital Development Vol. 8 No. 2 July - December 2015
- Serdyukov, P. 2017. Innovation in Education: What Works, What Doesn't, and What to do About it? *Journal of Research in Innovative Teaching & Learning*. 10(1): 4-33.
- Siti Arinah Tukiran, Ahmad Sunawari Long & Badrul Redzuan Abu Hassani. 2019. International Journal of Islamic Thought Vol. 15: (June) 2019
- Tajul Ariffin Noordin. 1993. *Perspektif Falsafah dan Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zetty Nurzuliana Rashed, Ahmad Shafiq Mat Razali, Siti Rashidah Abd. Razak, Norshilawani Shahidan, Zanaton H Iksan Sri Andayani Mahdi Yusuf. 2017. Pengitegrasian Ilmu Naqli Dan Aqli Melalui Pendekatan “Lesson Study” kajian di Maahad Tahfiz Sains Negeri Selangor. *International. Research Management & Innovation Conference (IRMIC 2017)* Institut Latihan Malaysia (ILIM) Bangi, 7 September 2017 106 1
- Zuraidah Binti Othman Dan Dr Hajah Aizan Binti Ali @ Mat Zin .2014. *Pendidikan Integratif Dalam Islam: Kesepadan Iman, Ilmu Dan Amal (Integrative Education In Islam: Unity Faith, Knowledge And Charity)*. Jurnal Al-Muqaddimah, 2 (2):21-45

